

**SOALAN LAZIM
KEMPEN LESTARI PENDIDIKAN**

1. **Soalan:**
Apakah **Kempen Lestari Pendidikan**?

Jawapan:

Kempen Lestari Pendidikan merupakan kempen kesedaran untuk bayaran balik pinjaman PTPTN yang bertujuan untuk memberi peluang kepada peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman untuk menstrukturkan semula pinjaman dengan bayaran tunggakan yang minimum agar dapat membuat bayaran balik mengikut kemampuan kewangan.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh kempen **Kempen Lestari Pendidikan** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula pada **15 Oktober 2025 sehingga 15 Disember 2025**.

3. **Soalan:**
Apakah kelayakan untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada **semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan RM500** dan ke atas dalam tempoh kempen sama ada peminjam konvensional ataupun ujah kecuali yang **telah direkodkan penghakiman, peminjam yang telah diserahkan kepada Agensi Perunding Hutang (APH) dan/ atau peminjam yang mempunyai baki Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sahaja**
- ii. Peminjam perlu **membuat bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500, mana yang lebih tinggi** dan membuat penstrukturkan semula pinjaman/ pertukaran ujah atau penggabungan pinjaman dalam tempoh kempen.
- iii. Melalui kaedah penstrukturkan semula pinjaman/ pertukaran ujah/ penggabungan pinjaman, peminjam boleh mengubah/ menyusun semula ansuran bulanan pada Jadual Bayaran Balik (JBB) mengikut kemampuan masing-masing. Ansuran bulanan minimum ditetapkan berdasarkan anggaran penentuan 5% – 8% daripada jumlah pendapatan kasar, tertakluk kepada kelayakan tempoh bayaran balik dan kelulusan PTPTN.
- iv. Peminjam diwajibkan membuat **Potongan Gaji (PG)** atau **Direct Debit (DD)** semasa rundingan penstrukturkan untuk bayaran ansuran bulanan.
- v. **Bayaran balik pinjaman PTPTN boleh dibuat melalui semua saluran disediakan.**

4. Soalan:

Sekiranya peminjam telah **membuat bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500, mana yang lebih tinggi pada 16 Disember 2025**, adakah peminjam layak untuk rundingan pertukaran Ujrah/ penstrukturan/ penggabungan/ penjadualan semula pinjaman?

Jawapan:

Tidak layak, kerana peminjam telah membuat bayaran tunggakan **di luar tempoh** kempen.

5. Soalan:

Sekiranya peminjam membuat bayaran pendahuluan melebihi **20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500, mana yang lebih tinggi** adakah peminjam layak untuk rundingan pertukaran Ujrah/ penstrukturan/ penggabungan/ penjadualan semula pinjaman?

Jawapan:

Layak kerana peminjam perlu membuat **bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500, mana yang lebih tinggi sahaja**. Sekiranya peminjam membuat bayaran pendahuluan lebih tinggi, pinjaman akan distrukturkan berdasarkan baki selepas bayaran dan ansuran bulanan akan menjadi lebih rendah.

6. Soalan:

Sekiranya peminjam mempunyai **tunggakan sebanyak RM200**, adakah peminjam layak untuk rundingan pertukaran Ujrah/ penstrukturan/ penggabungan/ penjadualan semula pinjaman??

Jawapan:

Tidak Layak, kempen ini terbuka kepada **semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan RM500** dan ke atas dalam tempoh kempen sama ada peminjam konvensional ataupun ujah sahaja. Bagi peminjam yang **mempunyai tunggakan di bawah RM500**, adalah dicadangkan supaya peminjam membuat penyelesaian penuh tunggakan dan meneruskan bayaran seperti yang telah dijadualkan.

7. Soalan:

Bagaimanakah pengiraan bayaran pendahuluan yang perlu dibuat untuk membuat penstrukturan semula pinjaman/ pertukaran ujah atau penggabungan pinjaman dalam tempoh kempen?

Jawapan:

Contoh pengiraan bayaran pendahuluan yang perlu dibuat adalah berdasarkan seperti di bawah:

Situasi	Jumlah Tunggakan (RM)	Membuat bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500, MANA YANG LEBIH TINGGI	Jumlah Perlu Bayar (RM)
Peminjam A	3,000.00	600.00	600.00
Peminjam B	1,000.00	200.00	500.00

8. Soalan:

Sekiranya seorang peminjam mempunyai **dua (2) pinjaman**, satu (1) pinjaman perlu rundingan pertukaran ujah, dan satu (1) lagi pinjaman perlu rundingan penstrukturan semula pinjaman, adakah peminjam perlu **membuat bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500**, mana yang lebih tinggi sahaja?

Jawapan:

Ya, peminjam hanya perlu **membuat bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500**, mana yang lebih tinggi sahaja.

9. Soalan:

Sekiranya peminjam mempunyai baki Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) **sahaja**, adakah peminjam layak untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Tidak, kempen ini hanya layak kepada semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan baki pinjaman PTPTN sahaja.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Lestari Pendidikan*

Maklumat dikemaskini pada 14 Oktober 2025